

**Palanivel Kekal Yakin Pertahan Jawatan Presiden
Bernama
20 Ogos, 2013**

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri G.Palanivel hari ini kekal yakin beliau dapat mempertahankan jawatannya sebagai Presiden MIC pada pemilihan yang dijadualkan 22 Sept ini.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar itu juga percaya Datuk Seri Dr S. Subramaniam akan kekal sebagai Timbalan Presiden parti.

"Ini kerana tidak ada calon yang benar-benar kuat untuk mencabar jawatan presiden dan timbalan presiden," katanya menambah Dr Subramaniam tidak akan menandingi jawatan presiden seperti yang diuar-uar.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan Forum Pelaburan Perlombongan dan Tenaga Asia 2013 di sini, beliau berkata lebih ramai calon yang akan menandingi tiga kerusi jawatan naib presiden dan 23 slot jawatankuasa kerja pusat (CWC).

Presiden MIC akan dipilih oleh 4,200 pengerusi cawangan dari seluruh negara, manakala bagi jawatan timbalan presiden, naib presiden dan anggota CWC, mereka akan dipilih oleh 1,500 perwakilan. Palanivel berkata beliau sudah menerima 1,500 pencalonan setakat ini dan dijangka meningkat kepada 1,800 esok serta mungkin melebihi 3,000 apabila pencalonan ditutup minggu depan.

"Segalanya nampak baik. Saya tidak fikir akan ada pertandingan," kata Palanivel yang meneraju parti dengan 680,000 anggota itu sejak 2010, selepas mengambil alih kepimpinan daripada Datuk Seri S. Samy Vellu.

Mengenai isu parti, Palanivel berkata pucuk pimpinan sedang meneliti perlembagaan MIC bagi membuat perubahan yang akan memperkukuhkan parti terbesar kaum India itu.

"Setiap pengerusi negeri mesti dipilih, bukan dilantik. Ini termasuk anggota jawatankuasa seperti setiausaha dan bendahari. Kita perlu pilih mereka bagi memperkukuhkan parti. Sebab itu kita perlu satu sistem pemilihan yang sama dengan Umno," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=971176>